

## Aplikasi Teknik Rasulullah Dalam Membentuk Kecerdasan Emosi

### *Application Of Rasulullah's Technique In Shaping Emotional Intelligence*

Hanisah Abdul Rahman, Siti Norlina Muhamad\*

*Akademik Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Malaysia*

*\*Corresponding author: norlina@utm.my*

---

#### Article history

Received: 2020-06-23 Received in revised form: 2021-01-22 Accepted: 2021-06-09 Published online: 2022-02-28

#### Abstract

The ability to manage emotion is one of the important factors to success. A good intellectual's person is not necessarily able to overcome conflicts in life. Life conflicts require other skills known as emotional intelligence. Emotional intelligence is a combination of cognitive and emotion and affects one's behavior and achievement. In Islam, Prophet Muhammad as a reference to this community also emphasizes the aspect of emotional intelligence in achieving happiness. Therefore, this study examines emotional intelligence in Prophet Muhammad's life and its impact on psychological health. This study uses a qualitative approach, content analysis design. Based on the analysis, emotional intelligence can be seen from various aspects of Prophet's life such as teacher, family leader, preacher and ruler. High and proper emotional intelligence creates a healthy mental and soul in various life situations.

*Keywords:* emotional intelligence, Rasulullah, psychological health

#### Abstrak

Kemampuan mengurus emosi merupakan salah satu faktor penting dalam kejayaan seseorang individu. Seseorang yang mempunyai intelektual yang tinggi belum tentu mampu menghadapi konflik dalam kehidupan. Konflik-konflik kehidupan memerlukan kemahiran lain yang juga dikenali sebagai kecerdasan emosi. Kecerdasan emosi merupakan persimpangan di antara kognitif dan emosi dan memberi kesan kepada tingkah laku dan pencapaian seseorang. Dalam Islam, Rasulullah SAW sebagai rujukan umat ini juga menekankan aspek kecerdasan emosi bagi menjamin kebahagiaan seseorang. Oleh itu, kajian ini ingin mengketengahkan praktikaliti kecerdasan emosi dalam aspek kehidupan Rasulullah dan kesannya kepada kesihatan psikologi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu reka bentuk analisis kandungan. Berdasarkan analisa, kecerdasan emosi dapat dilihat dari pelbagai sudut kehidupan Rasulullah seperti guru, ketua keluarga, pendakwah dan pejuang kebenaran. Kecerdasan emosi yang tinggi dan tepat membuahkan psikologi yang sihat dalam pelbagai situasi kehidupan.

*Keywords:* kecerdasan emosi, Rasulullah, kesihatan psikologi

## **1.0 PENDAHULUAN**

Kognitif, emosi dan tingkah laku saling berkait. Konsep inilah yang telah digunakan oleh pengasas terapi kognitif-tingkah laku (*cognitive behavioral therapy*) CBT<sup>1</sup>, menerangkan bahawa corak pemikiran boleh diubah untuk mengubah perasaan terhadap sesuatu keadaan. Maka, tindakan yang diambil untuk menghadapi situasi juga berbeza. Konsep ini juga menggabung teori kognitif emosi dan teori tingkah laku emosi dan menunjukkan bahawa ketiga-tiga kognitif, emosi dan tingkah laku saling berkaitan.

Kecerdasan emosi pula adalah persimpangan di antara kognitif dan emosi dan memberi kesan kepada tingkah laku dan pencapaian seseorang. Caruso (2003) menjelaskan sangat penting untuk memahami bahawa kecerdasan emosi tidak bertentangan dengan konsep kecerdasan. Kecerdasan emosi sangat penting dalam memperluaskan tanggapan kecerdasan individu, membantu merancang kehidupan dengan lebih spesifik dan teratur. Oleh itu kecerdasan emosi boleh membantu seseorang individu menghadapi konflik kehidupan dan memberi kesan terhadap kesihatan psikologi seseorang.

## **2.0 OBJEKTIF**

Mayer dan Salovey mula memperkenalkan konsep kecerdasan emosi pada tahun 1990. Namun, Daniel Goleman telah mempopularkan konsep ini di dalam bukunya yang bertajuk *Emotional Intelligence*.

Model kecerdasan emosi telah dipelopori oleh Mayer & Salovey, (1993). Beliau menganggap kecerdasan emosi sebagai satu siri kemahiran yang menggabungkan kognitif (fikiran) dan emosi (perasaan). Secara definisinya ialah keupayaan untuk mengenali emosi, mengakses dan menggunakan emosi untuk membantu proses kognitif, memahami emosi dan pengetahuan emosi, dan mengendalikan atau mengawal emosi untuk mempromosikan emosi dan intelektual (Mayer et al., 2011).

Daniel Goleman (1998) pula telah memperkenalkan teori kecerdasan emosi yang tersendiri (Goleman, 2000; Goleman, 2005). Goleman telah meneliti kajian Salovey dan Mayer serta beberapa penyelidik lain. Menurut Goleman, kecerdasan emosi ialah pelbagai kecekapan dan kemahiran. Ia terdiri daripada lima komponen iaitu, kesedaran diri, kawalan diri, kemahiran bersosial, empati dan motivasi. Goleman cuba membuktikan bahawa kecerdasan emosi bukan setakat penyelidikan sains tetapi suatu teori yang boleh dipraktikkan. Goleman mengkaji semula amalan terbaik dalam pendidikan.

Reuven Bar-On (1980-an) pula mengkaji kecerdasan emosi dari sudut kompetensi bukan kognitif (Bar-On, t.t.). Beliau telah membangunkan satu ujian yang mengukur laporan diri individu tentang kecekapan ini yang dinamakan EQ-i. Takrifan Bar-On terhadap kecerdasan emosi ialah pelbagai keupayaan, kecekapan, dan kemahiran bukan kognitif yang mempengaruhi keupayaan seseorang untuk berjaya dalam menghadapi tuntutan dan tekanan alam sekitar.

Menurut Islam pula, emosi adalah sebahagian dari fitrah manusia. Islam telah menggariskan beberapa panduan mengenai emosi. Kecerdasan emosi telah diperkenalkan oleh Sarjana Islam sejak dari zaman pemerintahan Abbasiyah. Malah Rasulullah s.a.w juga memberi penekanan tentang kecerdasan emosi.

Dalam hadis<sup>5</sup> yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW berpesan untuk mewaspadaikan marah marah. Menurut Aisha Utz (2011), emosi dalam Islam terdiri daripada emosi negatif dan emosi positif. Emosi positif seperti gembira dan cinta kebiasaannya membawa kebahagiaan manakala emosi negatif seperti sedih dan marah memberi tekanan. Namun, setiap emosi adalah fitrah dan Islam tidak menghalang kedua-dua jenis emosi. Islam menekankan supaya umatnya menyalurkan emosi ke arah yang sepatutnya atau lebih dikenali sebagai kecerdasan emosi. Maka, mempelajari teknik kecerdasan emosi Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian dapat membantu umat Islam mengurus emosi dengan betul.

Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk meneroka teknik kecerdasan emosi yang digunakan oleh Rasulullah SAW dalam kehidupan seharian serta kesan kepada kesihatan individu

### **3.0 METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu reka bentuk analisa kandungan. Kajian dimulakan dengan mengenal pasti artikel dan jurnal yang mengkaji pelbagai sisi kehidupan Rasulullah SAW. Kajian juga meneliti buku-buku sirah Rasulullah SAW.

Seterusnya, semua bentuk pengurusan emosi yang berasaskan teori kecerdasan emosi Goleman (1997) dianalisa dari teks jurnal dan artikel. Teori Goleman menekankan aspek kecerdasan emosi dalam bentuk praktikal yang bertepatan dengan konsep Islam yang melihat ilmu perlu selari dengan amal. Tema teknik kecerdasan emosi Rasulullah kemudiannya dipadankan dengan kesihatan individu.

### **4.0 ANALISIS RINGKAS TELADAN DARI KEHIDUPAN RASULULLAH SAW**

Analisa ini dibahagikan kepada beberapa tema kehidupan Rasulullah SAW iaitu sebagai guru, pejuang, ketua keluarga dan pendakwah.

#### **4.1 Rasulullah SAW Sebagai Guru**

Rasulullah SAW diutus untuk mengajar seluruh manusia mengenai Islam. Allah berfirman, yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah telah memberi karunia kepada orang-orang beriman ketika Allah mengutus seorang Rasul (Muhammad) di tengah-tengah mereka dari kalangan mereka sendiri; yang membacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menyucikan jiwa mereka, dan mengajarkan kepada mereka Kitab (al-Qur’an) dan Hikmah (Sunnah), meskipun sebelumnya, mereka benar-benar dalam kesesatan yang nyata” (Q.S. al-Imran 3: 164).*

Sebagai seorang pendidik, Rasulullah SAW menunjukkan contoh terbaik dan bersabar mengajarkan Islam dalam pelbagai keadaan.

Penguasaan emosi dalam kalangan pendidik dapat memberi kesan positif kepada pembelajaran dan pengajaran. Menurut (Curci et al. (2014); Rust (2014); Grace Moreau (2016); Alam and Ahmad (2018) kecerdasan emosi guru membantu meningkatkan prestasi pelajaran pelajar. Menurut

Márquez, Martín and Brackett (2006); Poulou (2017) pula, kecerdasan emosi guru memberi kesan kepada tingkah laku pelajar. Ini dapat dilihat dalam pengajian Rasulullah dan bertepatan

dengan (Sharifah Norshah et al. (2011), bahawa manhaj pengajian dan pembelajaran Rasulullah SAW sangat bersesuaian dengan situasi pembelajaran masa kini.

Islam sangat menggalakkan kaum wanita mendapatkan ilmu kerana mereka adalah tunggak utama pendidik dalam institusi keluarga. Namun, wanita mempunyai jiwa yang lembut berbanding lelaki dan memerlukan sedikit pendekatan berbeza. Menurut Asiah et al. (2017), Rasulullah SAW menggunakan empati dalam berinteraksi dengan kaum wanita terutamanya dalam hal yang melibatkan emosi. Rasulullah SAW juga menggunakan pendekatan berbeza terhadap setiap personaliti individu. Misalnya, Rasulullah SAW

#### **4.2 Rasulullah SAW Bersama Ahli Keluarga**

Rasulullah SAW juga menunjukkan penekanan aspek kecerdasan emosi sebagai suami dan bapa dalam keluarga. Rasulullah SAW terlebih dahulu memulakan dakwah Islamnya kepada keluarga terdekat. Rasulullah SAW menunjukkan pengurusan emosi yang matang apabila ditentang oleh bapa saudaranya, Abu Lahab ketika berdakwah. Walaupun dihina dan dicaci, Rasulullah SAW tidak membalasnya dengan tindakan yang sama. Selain itu, kecerdasan emosi dapat juga dilihat apabila Rasulullah SAW memulakan dakwahnya dengan mengambil hati kaum keluarganya. Rasulullah SAW memahami bahawa hati manusia yang dilembutkan dengan kasih sayang adalah sumber kepada kejayaan hubungannya bersama keluarga. Namun, Rasulullah SAW menyedari bahawa konflik kehidupan dalam keluarga pasti terjadi. Oleh itu, Baginda mengambil pendekatan untuk tidak mengeruhkan keadaan apabila berhadapan dengan ahli keluarga yang tidak bersependapat dengannya.

Menurut Bohman et al. (2017) dalam kalangan remaja yang tertekan, perpisahan ibu bapa adalah salah satu punca kemurungan apabila dewasa. Menurut Lindgren et al. (2017) pula, remaja yang menunjukkan tanda-tanda psikosis (masalah mental) kebiasaannya menghadapi trauma semasa kanak-kanak dan salah satu puncanya adalah keluarga. Ini menunjukkan pengurusan emosi dalam keluarga memberi kesan kepada kesihatan psikologi. Bapa dan suami sebagai ketua keluarga memainkan peranan penting dalam mencorakkan kebahagiaan keluarga.

Rasulullah SAW menunjukkan contoh ketua keluarga yang baik. Rasulullah SAW melayan isteri-isteri dan anak-anak Baginda dengan penuh kasih sayang. Seandainya terdapat konflik, Rasulullah SAW tidak mudah melatah, sebaliknya Baginda SAW akan menghadapinya dengan bijaksana. Apabila Aisyah RA difitnah, Rasulullah SAW menyerahkan segala kebenaran kepada Allah SWT. Namun apabila perlu bertegas Rasulullah SAW mengambil tindakan dengan tegas. Misalnya, terdapat konflik dalam rumah tangga Baginda apabila isteri-isteri Baginda saling berbincang secara rahsia yang dikhuatiri mengakibatkan perpecahan. Oleh itu, Rasulullah SAW mengambil jalan bertegas dengan situasi ini.

#### **4.3 Rasulullah Saw Sebagai Seorang Pendakwah**

Dari sudut sebagai seorang pendakwah, Rasulullah SAW memulakan dakwahnya kepada keluarga dan sahabat terdekat kerana mereka telah mempunyai ikatan hati dengan Baginda. Dalam mengajak keluarga dan rakan, hubungan perasaan, emosi dan hati dibina pada permulaan membuatkan mereka mudah menerima ajakan daripada Rasulullah SAW.

Menuru Rodriguez & Wilson (1999), kepercayaan dan komitmen membantu dalam pembinaan keterhubungan antara manusia dan kebergantungan struktur yang dianggap sebagai prasyarat kepada mengekalkan dan membangunkan dinamika sosial. Kepercayaan dan komitmen ini dibina melalui pembinaan ikatan terlebih dahulu. Manakala menurut Gao et al. (2010); Winston

& Chicot (2016), ikatan dalam keluarga memberi kesan kepada kesihatan mental dan personaliti individu. Ini menunjukkan seseorang perlu tahu cara berkomunikasi untuk membina ikatan sebelum sesuatu hubungan terjalin.

Rasulullah SAW juga menyentuh hati golongan hamba dengan lembut. Misalnya, Rasulullah SAW membantu mereka dalam kerja-kerja mereka. Rasulullah SAW menyedari bahawa manusia mudah tersentuh dengan bantuan yang diterima. Selain itu, Rasulullah SAW tidak hanya memilih berdakwah kepada mereka yang berstatus tinggi dalam masyarakat kerana Baginda sedar setiap manusia mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri.

Dakwah Rasulullah SAW secara terang-terangan pula ditentang dengan dasyat oleh kaum Quraisy. Namun, motivasi tinggi yang berpandukan al-Quran membuatkan Baginda tidak menyerah kalah dan terus berjuang. Rasulullah SAW juga mempunyai kawalan diri apabila tidak membalas segala tindak tanduk kaum Quraisy kerana Baginda yakin setiap orang mempunyai tempoh masa yang berbeza termasuk masa menerima Islam. Baginda juga yakin dengan firman Allah yang bermaksud:

*“Jadikanlah sabar dan shalat sebagai penolongmu. Dan sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyu’,” (Q.S. al-Baqarah 2: 45)*

#### **4.4 Rasulullah SAW Sebagai Pejuang**

Rasulullah SAW bukan sahaja menyampaikan kebenaran kepada manusia, namun juga memperjuangkan kebenaran yang dibawa. Ini dapat dilihat apabila Rasulullah SAW sanggup menghadapi segala susah payah, penentangan dan pemboikotan dalam memastikan risalah yang dibawa tersebar. Rasulullah SAW juga bertindak mempertahankan risalah Islam ini dalam siri-siri peperangan apabila terdapat ancaman.

Menurut Zandi et. al. (2015), Rasulullah SAW mempunyai misi dan visi yang jelas dalam setiap peperangan yang dihadapinya. Baginda juga bijak mengurus emosi, apabila berhadapan dengan lawan. Dalam konteks menghadapi musuh, Rasulullah SAW tidak mudah bersimpati dan bijaksana menyusun strategi serta menangani situasi sukar dengan mengawal emosi.

Dalam Peperangan Uhud, umat Islam diserang secara tiba-tiba oleh musuh dari arah belakang. Rasulullah SAW berjaya mengawal keadaan dan berundur bersama tenteranya. Dalam situasi yang tegang seperti perang Uhud, emosi negatif seperti marah, sedih dan benci akan menguasai individu. Allah tidak melarang umat Islam untuk berperasaan demikian tetapi emosi negatif ini perlu dikawal dan disalurkan dengan baik dan dengan batas yang telah Allah tentukan. Rasulullah SAW sudah tentu merasa sedih melihat kondisi kaum muslimin ketika itu, namun dengan perasaan itu Baginda mengambil tindakan mengumpulkan sahabatnya dan berundur.

Selain itu, pengurusan emosi dapat dikaitkan dengan kepimpinan. Menurut George (2000), emosi memainkan peranan penting dalam mencorakkan kepimpinan seseorang. Menurut Er. Vipin Mittal (t.t) pula, ketua yang berfungsi dengan baik adalah yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi. Manakala menurut Moore (2009), bagi memupuk budaya yang mencabar status quo dan memperoleh kecemerlangan di sekolah, pihak kepimpinan perlu belajar, membangun, dan mengamalkan kecerdasan emosi. Rasulullah SAW dapat memimpin sahabat dengan baik dalam kesemua peperangan Baginda. Walaupun dalam Islam, kemenangan adalah sesuatu yang dijanjikan Allah, namun secara sunnatullah manusia perlu berusaha untuk melihat kejayaan.

#### 4.5 Kecerdasan Emosi dan Kesehatan Psikologi

Kadar kesihatan psikologi semakin merosot dalam kalangan masyarakat termasuk dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Kesihatan psikologi ini juga memberi kesan kepada kesihatan fizikal individu. Menurut Bolton Oetzel, (t.t.) mereka yang terlibat dengan masalah mental kebanyakannya berpunca dari konflik kehidupan seperti masalah keluarga, hubungan, kewangan dan kerjaya. Manakala menurut Vinokur & Selzer (1975) peristiwa hidup yang tidak diinginkan adalah faktor kepada masalah mental. Poms, Fleming, & Jacobsen (2016) telah membuat model tentang konflik kerja, tekanan, serta kesihatan fizikal dan mental untuk memahami halangan dan peluang untuk kesejahteraan wanita di rumah dan di tempat kerja.

Rasulullah S.A.W. juga menghadapi konflik hidup. Baginda pernah berhadapan dengan pemboikotan oleh kaum Quraisy, kematian orang tercinta iaitu datuk dan isteri Baginda. Rasulullah SAW juga kehilangan kesemua anak lelaki Baginda. Malah Rasulullah SAW pernah menghadapi kegagalan menyampaikan risalah Islam di Taif dan hampir kekalahan dalam Perang Uhud. Namun, kecerdasan emosi membantu Rasulullah SAW menghadapi kehidupan dan menyampaikan risalah Islam kepada seluruh dunia. Rasulullah SAW bersabda dalam sebuah hadis6:

*“Aku tinggalkan kalian dua perkara yang kalian tidak akan tersesat selamanya selama berpegang teguh dengan keduanya iaitu Kitabullah dan Sunnah Nabi”*

### 5.0 KESIMPULAN

Kajian ini mengketengahkan aplikasi teknik Rasulullah SAW dalam membentuk kecerdasan emosi. Analisis telah dilakukan terhadap kitab sirah dan hasil dapatan kajian sebelum ini berkaitan aspek kehidupan Rasulullah SAW. Kajian ini menggunakan teori kecerdasan emosi yang diasaskan oleh Goleman. Kecerdasan emosi Rasulullah SAW dapat dilihat dalam setiap aspek kehidupan Baginda. Walaupun menghadapi konflik-konflik dalam kehidupan, Rasulullah SAW dapat mengurusnya dengan baik. Kesannya dapat dilihat dalam kejayaan dan kesihatan yang dipamerkan Rasulullah SAW. Kajian mempunyai limitasi kerana tidak dapat mengkaji seluruh kehidupan Rasulullah SAW selama 63 tahun. Walaubagaimanapun, aspek kecerdasan emosi yang dikeluarkan dalam kajian ini dapat digunakan sebagai panduan untuk membantu proses kaunseling dan terapi.

### Acknowledgement

Artikel ini merupakan sebahagian daripada kajian asal *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)* dengan Nombor Rujukan: No Vot R.J 130000. 7853, 5F232. Untuk ini, penulis sangat berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) atas bantuan kewangan yang diberikan.

### List of Reference

- Alam, A. and Ahmad, M. (2018) ‘The role of teachers’ emotional intelligence in enhancing student achievement’, *Journal of Asia Business Studies*, 12(1), 31–43.
- Asiah, N. et al. (2017) ‘Communication via Explanation Approach For Female Students: A Study on Rasulullah ’ s SAW . Practices with Special Reference to the Selected Hadiths in Sahih Al-Bukhari’, *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 3(1). 90–99.
- Bar-On, R. (no date) ‘Consortium for Research on Emotional Intelligence The Bar-On Model of Emotional-Social Intelligence (ESI)’, in Consortium for Research on Emotional Intelligence in Organizations –.

- Bohman, H. et al. (2017) 'Parental separation in childhood as a risk factor for depression in adulthood: a community-based study of adolescents screened for depression and followed up after 15 years', *BMC Psychiatry*, 17(117), 17
- Bolton Oetzel, K. (no date) 'It Happens In Real Life The Complexities Of Conflict and Mental Health Within Families', in *The SAGE Handbook of Conflict Communication*, 237–261.
- Caruso, D. (2003) 'Defining the inkblot called emotional intelligence', *Issues in Emotional Intelligence*, 1–8.
- Curci, A., Lanciano, T. and Soleti, E. (2014) 'Emotions in the Classroom: The Role of Teachers' Emotional Intelligence Ability in Predicting Students' Achievement', *The American Journal of Psychology*, 127(4), 431–445.
- Daniel Goleman (2005) *Emotional Intelligence: Why It Can Matter More Than IQ*. Bantam Books (US)
- Er. Vipin Mittal , Ekta Sindhu (2012) 'Emotional Intelligence and Leadership, *Global Journal of Management and Business Research*, 12 (16), .34-37
- Gao, Y. et al. (2010) 'Early maternal and paternal bonding, childhood physical abuse and adult psychopathic personality', *Psychological Medicine*, 40, 1007–1016.
- George, J. M. (2000) 'Emotions and Leadership: The Role of Emotional Intelligence', *Human Relations*. 53(8), 1027–1055. Sage PublicationsSage CA: Thousand Oaks, CA
- Goleman, D. (2000) *Working with Emotional Intelligence*. Random House USA Inc
- Grace Moreau, D. (2016) *The relationship between teacher emotional intelligence and the academic progress of urban, elementary school students. A doctoral thesis presented to The School of Education, College of Professional Studies, Northeastern University, Boston, Massachusetts*
- Lindgren, M. et al. (2017) 'Childhood adversities and clinical symptomatology in first-episode psychosis', *Psychiatry Research journal*. 258, 374–381. DOI: 10.1016/j.psychres.2017.08.070
- Márquez, P. G.-O., Martín, R. P. and Brackett, M. A. (2006) 'Relating emotional intelligence to social competence and academic achievement in high school students', *Psicothema*, 18(Suplemento), 118–123.
- Mayer, J. D. et al. (2011) 'Emotional intelligence', *The Cambridge Handbook of Intelligence*, 814, 528–549.
- Mayer, J. D. and Salovey, P. (1993) 'The intelligence of emotional intelligence', *Intelligence. JAI*, 17(4), 433–442.
- Moore, B. (2009) 'Emotional Intelligence for School Administrators: A Priority for School Reform?', *American Secondary Education*. Dwight Schar College of Education, Ashland University, 20–28.
- Poms, L. W., Fleming, L. C. and Jacobsen, K. H. (2016) 'Work-Family Conflict, Stress, and Physical and Mental Health: A Model for Understanding Barriers to and Opportunities for Women's Well-Being at Home and in the Workplace', *World Medical and Health Policy*, 8(4), 444–457.
- Poulou, M. S. (2017) *The Relation of Teachers' Emotional Intelligence and Students' Social Skills to Students' Emotional and Behavioral Difficulties: A Study of Preschool Teachers' Perceptions*. *Early Education and Development*, 28(11):1-15
- Rodriguez, C. M. and Wilson, D. T. (1999) *Relationship Bonding and Trust as Foundation for Commitment in International Strategic Alliances, USA-Mexico: A Latent Variable Structural Modeling Approach*.
- Rust, D. A. (2014) *Relationship Between The Emotional Intelligence Of Teachers And Student Academic Achievement*. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 69(2012), 1270 – 1275
- Sharifah Norshah Bani Syed Bidin, Nor Salimah Abu Mansor and Zulkifli A. Manaf (2011) 'Pelaksanaan Manhaj Rasulullah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kelas al-Quran Bagi Golongan Dewasa', *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, 5(Special Edition), 53–70.
- Vinokur, A. and Selzer, M. L. (1975) 'Desirable versus undesirable life events: Their relationship to stress and mental distress.', *Journal of Personality and Social Psychology*, 32(2), 329–337.

Winston, R. and Chicot, R. (2016) 'London Journal of Primary Care The importance of early bonding on the long-term mental health and resilience of children', *London Journal of Primary Care* 8(1), 12–14.

Zandi, G., Pour Joupari, N. Z. and Aslam, A. (2015) 'The Strategies in the Battles and Struggles of Prophet Muhammad: How It Can Be Applied in Modern Business', *International Business Research*, 8(11), 84.